

# Penerapan Model Pembelajaran *Numbered Head Together* di Sekolah Rendah Wilayah Aceh Barat

**BITARA**  
Volume 1, Issue 1, 2018: 033-038  
© The Author(s) 2018  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [The Implementation of Numbered Head Together Learning Model in the Primary School in West Aceh Province]

Ropisa<sup>1</sup> & Rahimah Embong<sup>1</sup>

### Abstrak

Pembelajaran merupakan satu unsur penting untuk mencapai keberhasilan dalam pengajaran. Proses transformasi ilmu pengetahuan serta nilai berlaku dalam proses pembelajaran itulah terjadi. Di samping itu juga, interaksi antara guru dengan murid turut berlaku dalam proses tersebut bagi pihak guru mengenali secara langsung karakteristik serta potensi yang dimiliki murid. Kekurangan hasil pembelajaran murid terhadap bahan pengajaran adalah disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kekurangang aktiviti murid semasa pengajaran. Ini kerana murid tidak bermotivasi untuk melalui proses pembelajaran dan guru mengajar dengan menggunakan kaedah yang dapat membuat murid merasakan ketepuan. Penerapan model pembelajaran koperatif *Numbered Head Together* (NHT) dipercayai dapat meningkatkan pengetahuan dan hasil belajar murid. Kajian ini bertujuan untuk mengukur peningkatan tahap pencapaian hasil belajar murid terhadap subjek Sains dengan menggunakan model tersebut, di samping mencadangkan model yang boleh di terapkan secara berkesan terhadap pencapaian murid di sekolah rendah. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif dengan pensampelan seramai 143 murid dari empat sekolah rendah di wilayah Aceh Barat. Data dianalisis dengan menggunakan SPSS V.20 untuk mencapai objektif kajian. Dapatkan kajian ini menunjukkan terdapat peningkatan dalam hasil belajar murid, yang dapat dilihat daripada hasil skor yang membuktikan nilai min pada ujian *pre-test* yang jauh berbeza dengan min pada ujian *post-test*. Nilai min pada ujian *post-test* ialah lebih tinggi daripada nilai min pada ujian *pre-test*. Hasil analisis tindak balas murid kepada model pembelajaran koperatif jenis NHT dapat menghujahkan bahawa murid memberi respons yang amat baik dengan hasil analisis tindak balas murid pada setiap item.

### Kata Kunci:

Penerapan, Model Pembelajaran *Numbered Head Together* (NHT), hasil belajar

### Abstract

Learning is a fundamental component to achieve success in teaching. The process of transforming knowledge and value is inherent in the learning process. The interaction between teacher and student is also involved in the process on the part of the teacher to identify the characteristics and potential of each student. The lack of student learning results for teaching resources is attributed to several reasons, such as lack of student engagement during teaching. It is because students are not inspired to take part in the learning process, and teachers teach using approaches that can make students feel overload. The implementation of the Numbered Head Together (NHT) cooperative learning model is believed to enhance students' learning and learning outcomes. This study aims to measure the level of achievement of students' learning outcomes in Science subjects by using the model while proposing

<sup>1</sup>Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia

#### Corresponding Author:

Rahimah Embong, Fakulti Pengajian Umum Dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.  
E-mail: rahimah@unisza.edu.my

a model that can be effectively applied to student achievement in primary school. This research used a quantitative approach to the sampling of a total of 143 students from four primary schools in the province of Aceh Barat. Data were analyzed using SPSS V.20 to achieve the objectives of the analysis. The findings of this research point out that there is an improvement in student learning performance, which can be seen from the results that show that the mean value of the pre-test test is somewhat different from the post-test test mean. The mean value of the post-test test was higher than the average value of the pre-test test. The results of the student response analysis of the collaborative learning model of the NHT will indicate that students respond best to the results of the student response analysis of each object.

**Keywords:**

Application, Numbered Head Together (NHT) Learning Model, learning outcomes

**Cite This Article:**

Ropisa & Rahimah Embong. 2018. Penerapan model pembelajaran *Numbered Head Together* di sekolah rendah wilayah Aceh Barat. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(1): 33-38.

## Pengenalan

Pembelajaran adalah upaya guru menciptakan iklim dan pelayanan terhadap kemampuan, potensi, minat, bakat, dan keperluan siswa yang pelbagai agar terjadi interaksi optimal antara guru dan siswa (Hamdani 2011). Pada era globalisasi ini, pembelajaran sains boleh pelajari dengan menggunakan teknologi canggih. Ianya menjadikan perkara yang ingin dipelajari menjadi semakin mudah. Pembelajaran ialah wujud interaksi antara guru dengan murid dalam proses pembelajaran tersebut. Pembelajaran merupakan satu bentuk bantuan yang diberikan kepada murid agar boleh menerima ilmu pengetahuan, penguasaan, serta pembentukan sikap.

Sains difahami sebagai ilmu alam, iaitu ilmu yang meneliti tentang zat, baik makhluk hidup maupun benda yang mati (Trianto 2010). Pembelajaran sains adalah pembelajaran yang mampu merangsang kemampuan berfikir murid meliputi unsur sikap, proses, produk dan aplikasi. Satu tugas guru dalam menghasilkan kualiti murid yang lebih baik adalah dengan menentukan model atau kaedah pembelajaran yang sesuai semasa proses pembelajaran sedang berlaku. Pemilihan model, kaedah atau pendekatan yang sesuai dalam semua aktiviti pembelajaran akan membolehkan murid memahami bahan yang dibentangkan oleh guru dan menjadikan murid lebih termotivasi untuk mengikuti pembelajaran.

Seiring dengan derasnya cabaran global, cabaran dunia pendidikan pun menjadi semakin besar. Hal ini yang mendorong para murid untuk mendapatkan prestasi yang paling terbaik. Di peringkat antarabangsa, kualiti pendidikan Indonesia berada di kedudukan yang ke-64 dari 120 negara di seluruh dunia iaitu berdasarkan laporan tahunan UNESCO *Education For All Global Monitoring Report 2012*. Sedangkan berdasarkan *Education Development Index* (EDI, Indeks Perkembangan Pendidikan), Indonesia berada pada kedudukan yang ke-69 dari 127 negara pada 2011. Kualiti pendidikan di Indonesia pada saat ini masih jauh ketinggalan berbanding negara-negara lain. Menurut data UNESCO, pendidikan di Indonesia menduduki tangga ke-10 dari 14 buah Negara yang membangun. Sedangkan komponen penting dalam pendidikan iaitu, ‘guru’ menduduki tangga ke-14 daripada 14 negara yang membangun di dunia (Marsigit 2015).

Setiap proses dalam situasi dan bentuk mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk mencapai hasil yang diharapkan. Begitu juga proses pembelajaran yang telah diatur oleh guru, turut bertujuan menjadikan murid dapat mencapai pembelajaran yang optimum melalui konsep bahan yang diajar. Dalam proses pembelajaran, guru perlu membuat reka bentuk pengajaran, menyusun aktiviti pembelajaran dan pembelajaran dan menilai hasil kesan pembelajaran dan pengajaran. Manakala peranan murid dalam pembelajaran pula adalah untuk bertindak, mengalami proses pembelajaran, mencapai hasil pembelajaran dan menggunakan hasil pembelajaran sebagai rujukan. Hal tersebut sering diabaikan oleh guru, kerana guru lebih fokus dengan pencapaian kurikulum sahaja.

Oleh sebab itu, kita perlu mengambil berat untuk meningkatkan hasil pembelajaran murid berdasarkan bahan pengajaran. Kelemahan pengajaran dan pembelajaran dalam konteks bahan pengajaran, adalah disebabkan oleh pelbagai faktor. Satu adalah kelemahan model pembelajaran yang digunakan oleh guru. Dalam usaha untuk meningkatkan hasil pembelajaran murid, guru hendaknya dapat membuat satu pengajaran yang berkesan dan guru dituntut untuk lebih kreatif dalam menyusun strategi pembelajaran. Ia termasuk menggunakan model pembelajaran yang mudah dipahami dan berkesan bagi murid semasa pembelajaran berlangsung.

## Kaedah Penyelidikan

Penyelidikan yang dijalankan ini menggunakan *developmental research* ialah kaedah pengkajian yang digunakan untuk menghasilkan produk tertentu dan menguji keefektifan produk tersebut (Sugiyono 2010). Dalam pengkajian ini menekankan utama pada metode kuantitatif, maka perolehan data kuantitatif melalui ujian prestasi (*Test*). Populasi dalam kajian ini adalah sebanyak 143 orang murid yang terdiri daripada sekolah rendah di Kecamatan Johan Pahlawan Kabupaten Aceh Barat. Dalam kajian ini, saiz sampel ditentukan berdasarkan formula penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Saiz sampel didapati iaitu sebanyak 104 pelajar dari pada sekolah rendah. Kajian ini akan dijalankan di empat sekolah rendah Kecamatan Johan Pahlawan Aceh Barat. Keempat-empat sekolah ini terletak di Kecamatan Johan Pahlawan Kabupaten Aceh Barat di bawah kuasa Pejabat Pelajaran Daerah Aceh Barat.

## Dapatan Kajian

Peningkatan tahap pencapaian hasil belajar murid terhadap subjek Sains menggunakan model pembelajaran *Numbered Head Together* (NHT). Dalam kajian ini pengkaji menggunakan ujian-t berpasangan. Ujian-t berpasangan dijalankan untuk membandingkan dua min dari pada dua kumpulan terhadap pemboleh ubah yang tak bersandar. Gambaran hasil *pre-test* dan *post-test* dapat dilihat dalam jadual:

JADUAL 1 Ujian-t *Pre-test* dengan *Post-test*

Uji	N	Min	sp	dk	T	sig
<i>Pre-test</i>	143	41,71	11,4	142	-33.66	0.00
<i>Post-test</i>	143	71,47	6,1			

Daripada jadual di atas didapati bahawa  $t=-33.662$  dan  $sig=0.00$ . Oleh kerana nilai  $sig<0.05$ , maka min antara dua jenis ujian ini adalah signifikan. Oleh kerana min *post* (71.47) lebih tinggi berbanding min *pre* (41.71), dapat disimpulkan *post-test* lebih tinggi dan perbezaan tersebut adalah signifikan. Hasil kajian ini mendapati keputusan analisis menunjukkan peningkatan hasil belajar murid terhadap penggunaan model pembelajaran NHT. Berdasarkan nilai min yang didapati lebih tinggi maka hasil belajar yang diperoleh murid-murid sekolah rendah di wilayah Aceh Barat meningkat. Penerapan model pembelajaran ini melihat kepada nilai *post-test* daripada masing-masing individu, maka nilai tersebut telah tercapai sesuai dengan nilai kriteria ketuntasan. Nilai *post-test* merupakan hasil yang didapati setelah menerapkan model pembelajaran NHT sedangkan nilai daripada *pre-test* adalah hasil belajar murid sebelum diterapkan model pembelajaran NHT.

Rawatan yang diberikan kepada setiap murid adalah sama. Variasi nilai adalah disebabkan oleh faktor semula jadi. Faktor-faktor ini secara teori boleh disebabkan oleh keupayaan guru dalam membimbing dan cara penyampaian guru yang diterima oleh murid. Oleh sebab itu terdapat perbezaan dari masing-masing murid secara individual untuk bersosialisasi dengan perubahan sistem pembelajaran (Djamarah dan Zain 2010). Model pembelajaran NHT sebagai satu faktor *Eksteren* yang mempengaruhi hasil belajar murid (Djamarah Zain 2010). Penerapan Model NHT kepada subjek sains memberi penekanan kepada pengajaran yang berpusatkan kepada murid untuk mendapatkan ahli-ahli kumpulan murid yang beragam dan mudah dalam proses pembelajaran dan dapat membina pengetahuan mereka sendiri yang pada akhirnya dapat meningkatkan hasil pembelajaran murid dan secara aktif dalam berikutnya proses belajar mengajar.

Hasil kajian keberkesanan murid menggunakan teknik pembelajaran koperatif NHT terhadap pencapaian murid. Penyelidik menggunakan skala interpretasi pemeringkatan skala analisis daripada Chua Yan Piaw (2006) untuk menilai skor pemeringkatan setiap boleh ubah dalam kajian. Nilai min berdasarkan item dalam kajian dianalisis secara deskriptif pemeringkatan skala analisis dapat dilihat pada Jadual:

JADUAL 2 Pemeringkatan Skala Analisis

Skor	Peringkat
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

JADUAL 3 Keseluruhan Min Respons Murid

Latent	Min	Std. Devision	Skala
Respon murid	3.75	.18	Sederhana Tinggi

Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa tindak balas murid terhadap pencapaian hasil pembelajaran penggunaan model pembelajaran NHT. Hasil yang didapati iaitu keseluruhan item dalam tahap sederhana tinggi. Berdasarkan hasil analisis tindak balas murid terhadap model pembelajaran NHT, dapat dilihat bahawa para murid memberikan tanggapan positif terhadap pembelajaran yang diharapkan. Ini berdasarkan peningkatan hasil keseluruhan min

yang terdapat pada pengambilan data menggunakan SPSS iaitu sebanyak 3.75. Nilai ini menunjukkan pada tahap sederhana tinggi. Daripada hasil analisis data tindak balas murid dapat disimpulkan bahawa murid memberikan respons yang baik terhadap pembelajaran.

## Cadangan

Secara keseluruhan pengkaji mencadangkan keputusan yang dicapai dalam penilaian ini dapat diterapkan dengan tegas, petunjuk peningkatan hasil belajar dan pencapaian yang dicapai oleh para pelajar dipercayai dapat menyelesaikan pembelajaran. Pemikiran ini berdasarkan konsep pembelajaran adalah proses dan prosesnya memerlukan sosialisasi dan masa. Oleh itu, peratusan pelajar individu yang mencapai lebih banyak nilai meningkatkan setiap subjek sains melalui model pembelajaran NHT akan lebih meningkat sekiranya dilakukan dengan cara yang mapan.

Di samping itu, pengkaji juga mencadangkan untuk guru-guru sekolah rendah yang lain dapat menggunakan model pembelajaran ini sebagai satu model pembelajaran yang dapat digunakan secara berkelanjutan dalam proses pengajaran di sekolah. Model pembelajaran ini juga boleh diterapkan kepada subjek pembelajaran yang lain, disesuaikan dengan perkara yang perlu diajar. Terdapat banyak model pembelajaran lain yang dapat membantu pelajar belajar secara aktif dan kreatif untuk meningkatkan hasil belajar pelajar, oleh itu guru dijangka mencari lebih banyak maklumat yang berkaitan dengan model pembelajaran dan kaedah pembelajaran yang dapat memunculkan motivasi murid dalam belajar.

Pengkaji juga mencadangkan supaya pihak pejabat Negara bahawa seharusnya dapat memberikan latihan kepada guru sekolah rendah mengenai model pembelajaran, pelajaran pengajaran yang sesuai sebagai bahan untuk pembelajaran di sekolah supaya objektif pembelajaran dapat dicapai seperti yang diharapkan.

Seterusnya untuk kajian yang akan datang pengkaji boleh melakukan kajian ini dengan membesar sampel kajian kepada semua sekolah rendah di kacamatan Johan Pahlawan, Kabupaten Aceh Barat. Jika kajian ini dilaksanakan dengan lebih meluas, hasil daripada kajian tersebut akan memperoleh peningkatan hasil belajar murid yang sangat bagus dari sudut pandang yang luas. Kajian ini akan memberi impak yang besar kepada pelbagai pihak seperti guru dan pihak pejabat pendidikan.

## Kesimpulan

Berdasarkan keputusan analisis yang didapati dalam menerapkan model pembelajaran NHT sebanyak min *post-test* iaitu, 71.47 menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang signifikan dalam hasil belajar berbanding dengan nilai-nilai yang terdapat dalam pra-ujian sebelum menggunakan teknik pembelajaran bernombor kepala bersama iaitu 41.71. Setiap pelajar individu telah mencapai nilai Kriteria Ketuntasan Minimum (KKM) yang telah dilaksanakan oleh setiap sekolah iaitu, sebanyak 70. Hasil daripada penemuan keseluruhan, kajian ini memberi tumpuan kepada peningkatan hasil pembelajaran di setiap sekolah rendah terpilih, dengan kata lain, taksiran ini tidak merujuk kepada perbandingan hasil yang diperoleh dari setiap sekolah rendah di empat sekolah, tahap melihat kejayaan dan keberkesanan dan tindak balas pelajar terhadap penerapan teknik pembelajaran NHT mengenai subjek Sains.

## Penghargaan

Penghargaan kepada Pusat Pengajian Siswazah dan Pusat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kementerian Pelajaran Malaysia yang membiayai Projek Penyelidikan (FRGS/1/2015/SS109/UNISZA/ 02/1). No. Projek: RR 156.

## Rujukan

- Anita Lie. 2010. *Cooperative Learning Mempraktikkan Cooperative Learning di Ruang-ruang Kelas*. Jakarta: PT. Grasindo Widia Sarana Indonesia.
- Arikunto, Suarsimi. 2006. *Prosedur Penelitian Suatu Pendekatan Praktik*. Jakarta: PT. Rineka Cipta.
- Balitbang. 2012. Survei International TIMSS. <https://www.scribd.com/doc/117584066/Timms-Kemdikbud> [diakses 28 Disember 2016].
- Chun Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Serdang: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Creswell, J.W. 2013. *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Djamarah, Saiful Bahri & Aswan Zain. 2010. *Strategi Belajar Mengajar*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Djohar. 2006. *Pengembangan Pendidikan Nasional, Menyongsong Masa Depan*. Yogyakarta: CV. Grafika Indah.
- Hamdani. 2011. *Strategi Belajar Mengajar*. Bandung: CV Pustaka Setia.
- Ibrahim. 2000. *Pembelajaran Kooperatif*. Surabaya: University Press
- Keerlinger. 1986. *Foundation Of Behavioral Research*. New York. Universiti Holt, Rine Hart, and Winston Inc.
- Kemendikbud. 2013. *Pendekatan Scientific (Ilmiah) dalam Pembelajaran*. Jakarta: Pusbang prodik.
- Krejcie, R.V & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30(3): 607-610.
- Sugiyono. 2010. *Metode Penelitian Pendidikan Pendekatan, Kuantitatif, Kualitatif dan R&D*. Bandung: Alfabeta.
- Trianto. 2007. *Model-model Pembelajaran Inovatif Berorientasi Konstruktivistik*. Jakarta: Prestasi Pustaka.
- Trianto. 2009. *Mendesain Model Pembelajaran Inovatif-Progresif*. Jakarta: Prenada Media.